



20 JUN, 2025

## UM kekalkan kedudukan universiti terbaik di Malaysia



Berita Harian, Malaysia

# UM kekalkan kedudukan universiti terbaik di Malaysia

**Kuala Lumpur:** Universiti Malaya (UM) terus mengekalkan kedudukannya sebagai universiti terbaik di negara ini, selepas muncul universiti tempatan yang berada dalam senarai 100 universiti terbaik dunia, mengikut QS World University Rankings 2026.

UM berada di kedudukan 58, meningkat dua anak tangga berbanding tahun lalu, dengan skor keseluruhan sebanyak 80.1.

Ia diikuti Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), yang berada di kedudukan 126, dengan skor keseluruhan sebanyak 65.2.

Universiti Putra Malaysia (UPM) dan Universiti Sains Malaysia (USM) berkongsi kedudukan di tangga 134, dengan skor keseluruhan sebanyak 64.1.

Satu lagi universiti yang disenaraikan dalam kalangan 200 universiti terbaik dunia ialah Universiti Teknologi Malaysia (UTM) di kedudukan 153, dengan skor keseluruhan sebanyak 61.6.

Sementara itu, Universiti Tek-

nologi PETRONAS (UTP) berada di kedudukan 251, Taylor's University (253), UCSI University (269), Sunway University (410) dan Universiti Utara Malaysia (UUM) (491).

INTI International University (509), Universiti Teknologi MARA (UiTM) (542), Universiti Tenaga Nasional (UNITEN) (551) dan Asia Pacific University of Technology and Innovation (APU) Malaysia serta Management and Science University (597).

Lebih 1,500 universiti terkemuka dunia disenaraikan dalam QS World University Rankings edisi 2026, di 100 tempat di seluruh dunia.

Sementara itu, UKM dalam keadaan semalam berkata, kejayaan itu menobatkan institusi berkenaan sebagai universiti kedua terbaik di Malaysia, selain mengukuhkan kedudukan dalam kelompok 10 peratus universiti terbaik dunia.

Naib Canselor UKM, Prof Dr Sufian Jusoh, berkata pencapa-

ian itu sebagai hasil sinergi seluruh warga UKM yang komited dalam memperkuuh kecemerlangan akademik, penyelidikan bertaraf antarabangsa serta inovasi berimpak tinggi.

Sementara UTM dalam kenyataan semalam berkata, kedudukan 153 dunia meletakkan institusi itu dalam kelompok 10 peratus teratas universiti terbaik dunia dan ketiga terbaik di Malaysia.

“UTM mencatat peningkatan ketara dalam beberapa indikator utama termasuk Jaringan Penyelidikan Antarabangsa yang menunjukkan peningkatan 112 anak tangga dan Sitasi per Staf Akademik meningkatkan sebanyak 45 anak tangga,” katanya.

Naib Canselor UTM, Prof Dr Mohd Shafry Mohd Rahim, berkata pencapaian itu memperkuuh hala tuju UTM sebagai sebuah universiti penyelidikan yang berasaskan inovasi, dengan kekuatan dalam bidang sains, teknologi dan kejuruteraan.